



JABATAN PERDANA MENTERI  
PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN  
KERAJAAN MALAYSIA

# Buletin ILKEM

Edisi 2/2024

[www.cgso.gov.my](http://www.cgso.gov.my)

f cgso

cgso\_news

Majlis Khatam Al-Quran  
ILKEM

Majlis Ibadah Qurban CGSO  
1445M/2024H

# Semarak Lebaran

MALAYSIA  
MADANI

# Isi Kandungan

PERUTUSAN KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN	04	AKTIVITI DI ILKEM	
PERUTUSAN PENGARAH INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)	05	MAJLIS KHATAM AL-QURAN ILKEM	38
<b>EKSKLUSIF</b>		BENGKEL PENGURUSAN WALKIE TALKIE	39
MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA CGSO	07	KURSUS PENGUKUHAN KESELAMATAN PERSONEL	41
MAJLIS KONVENTSYEN KESELAMATAN PERLINDUNGAN PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024	11	KURSUS PENGENDALIAN T BATON	42
TAKLIMAT EKSEKUTIF "KEBERKESANAN PENGUATKUASAAN AKTA RAHSIA RASMI 1972 (AKTA 88) BAGI MELINDungi MAKLUMAT RAHSIA RASMI KERAJAAN"	15	KURSUS PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PPKJ)	44
<b>ARTIKEL CGSO</b>		KARNIVAL SUKAN BADMINTON INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)	46
PENGENALAN TERHADAP TEKNOLOGI PESAWAT TANPA PEMANDU ATAU UNMANNED AERIAL VEHICLE (UAV)	17	PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA (CGSO)	48
PENYELIA YANG BERTANGGUNGJAWAB	22	PERASMIAAN BENGKEL PERMURNIAAN CADANGAN PENUBUHAN BAHAGIAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN (BKEP) DI KEMENTERIAN DAN JABATAN PERSEKUTUAN	49
PERPADUAN KAUM	25	BENGKEL PENENTUAN TAPISAN KESELAMATAN HALUS SIRI 2/2024	50
<b>FOKUS</b>		MAJLIS IBADAH QURBAN CGSO 1445H/2024M	51
PENGURUSAN DRON BAGI KAKITANGAN CGSO	28	<b>BERITA PERKHIDMATAN</b>	
PENGENALAN LAGU CGSO	30	PELAJAR PRAKTIKAL UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM)	53
MESYUARAT JAWATANKUASA KESELAMATAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN	32	<b>NUKILAN</b>	
RINGKASAN KURSUS DAN JUMLAH KURSUS	34	KAMILAH ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM	55
<b>BERITA PERKHIDMATAN</b>		<b>PUSAT SUMBER</b>	
JOM BACA LETS READ	57	LAWATAN PENANDAARASAN KE PERPUSTAKAAN ENGLISH LANGUAGE TEACHING CENTRE (ELTC)	58
PROGRAM LAWATAN KE PESTA BUKU ANTARABANGSA (PBAKL)	59		

# SIDANG REDAKSI

Penaung

YBhg. Dato` Rahimi bin Ismail

Penasihat

YBrs. Tuan Haji Mohd Najib bin Surip

Ketua Pengarang

Encik Roselan bin Mohamed

Ahli Jawatankuasa

Puan Nur Azhani binti Yunos

Encik Ahmad Shaharuddin bin Muhammad

Encik Mohd Saiful Hisham bin Md Salleh

Encik Ruszani bin Abdul Karim

Encik Foudzli bin Abdullah

Encik Mohd Radzi bin Jamalluddin

Puan Salmah binti Shahidan

Tuan Haji Azali bin Bachok

Encik Mohd Faizul bin Mohd Nor

Encik Ag. Mohd Ismail bin A. M. Nordin

Puan Nurul Haswani binti Saiman

Pegawai Penyelaras

Encik Mohd Azhar bin Yusoff

Encik Mohd Amirul Hafiz bin Abdul Halim

Pereka Grafik

Encik Mohd Raziz bin Minhat

# PERUTUSAN

KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

*Salam Sejahtera,*

*Salam Malaysia Madani.*

Alhamdulillah, segala puji dan rasa penuh kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, Buletin ILKEM Edisi Kedua Tahun 2024 dapat direalisasikan dengan penuh jayanya. Syukur saya dapat merakamkan untaian kata di dalam Buletin ILKEM Edisi Kedua tahun ni.

Saya telah meluncurkan konsep *THE GAME CHANGER* pada Majlis Amanat Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan yang telah berlangsung pada 21 Mei 2024. Akronim C.H.A.N.G.E.R yang merujuk kepada *change, holistic approach, accountability, noble, guardian, excellence* dan *resilience* merupakan prinsip-prinsip yang perlu diamalkan oleh warga CGSO untuk menggerakkan CGSO menyampaikan perkhidmatan dengan lebih pantas, cekap dan berkesan.

Saya ingin menekankan keperluan perubahan berkenaan Keselamatan Perlindungan mengikut cabaran dan arus kemodenan semasa. Perubahan yang berlaku perlu sentiasa mengandungi penambahbaikan agar benar-benar memberi manfaat kepada rakyat dan ke arah kebaikan demi negara. Maka, amalan prinsip-prinsip C.H.A.N.G.E.R merupakan satu kewajipan demi menjayakan aspirasi untuk menjadi agensi Keselamatan Perlindungan yang unggul dan setaraf dengan kluster keselamatan yang lain.

Akhir kata, sekalung penghargaan dan tahniah kepada Sidang Redaksi Buletin ILKEM dan semua pihak yang telah membantu dan menyumbang dalam usaha menerbitkan buletin ini. Semoga penerbitan Buletin ILKEM ini dapat memberikan manfaat kepada semua. Tinggi harapan saya agar Buletin ILKEM dapat diteruskan dengan kualiti yang diperhebatkan lagi. Pembudayaan ilmu seperti ini penting bagi merealisasikan Budaya Kerja Kelas Pertama dalam kalangan penjawat awam, bukan hanya tertumpu kepada kakitangan CGSO sahaja.

Sekian, terima kasih.

**YBhg. Dato' Rahimi bin Ismail**  
Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan



# PERUTUSAN

PENGARAH INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA  
(ILKEM)



*Assalamualaikum warahmatullahi warahmatullahi  
dan Salam Sejahtera*

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT di atas limpah kurnia-Nya kerana dengan izinnya saya berpeluang mengabadikan sepathah dua kata dalam Buletin ILKEM Edisi kedua tahun 2024.

Syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada sidang redaksi Buletin ILKEM dan panel penasihat , serta terima kasih kepada semua pihak yang memberikan kerjasama dan sokongan sehingga memungkinkan buletin ini berada di tangan pembaca. Buletin ILKEM ini bukan sekadar merakam kenangan , bahkan suatu rujukan tentang kemajuan ILKEM yang autentik dan rasmi.

ILKEM merupakan salah satu bahagian di ibu pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), yang bertanggungjawab menyediakan latihan keselamatan perlindungan kepada semua penjawat dan agensi swasta yang berkaitan meliputi aspek keselamatan fizikal, dokumen, personel dan keselamatan ICT secara profesional dan berkesan.

ILKEM sebagai pusat latihan berperanan untuk membangunkan dan mengembangkan potensi pegawai melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Setiap individu memiliki potensi yang tersendiri . Potensi yang menjadi anugerah Tuhan ini boleh dibangunkan dan dikembangkan ke tahap maksimum melalui program, kursus serta bengkel yang disediakan oleh ILKEM. Oleh itu, ILKEM menjelmakan segala dasar dan pendekatan bagi menambah baik dan melestarikan sistem pembelajaran pada tahun 2024 menerusi semangat kerjasama dan kekitaan dalam kalangan seluruh warga ILKEM diperkujuh.

Akhir kata, saya percaya warga ILKEM adalah warga yang positif , dapat menerima perubahan , dan berusaha mengangkat martabat CGSO ke arah yang lebih cemerlang dan terbilang serta mendidik pegawai-pegawai yang hebat dan berketerampilan di dalam keselamatan perlindungan.

Sekian, terima kasih.

**YBrs. Tuan Roselan bin Mohamed**  
**Pengarah**  
**Institut Latihan Keselamatan**  
**Perlindungan Malaysia (ILKEM)**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

**EKSKLUSIF**

# Majlis Sambutan

## *Hari Raya Aidilfitri*

### CGSO

Pada 2 Mei 2024, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Madani Peringkat CGSO.

Turut hadir di dalam Majlis Sambutan Hari Raya CGSO ini ialah YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Jabatan Perdana Menteri, YBhg. Datuk Abdul Halim bin Hamzah, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan & Pembangunan), Jabatan Perdana Menteri dan Ketua Jabatan serta Pegawai Kanan Kerajaan.



Diserikan dengan kehadiran YBhg. Datuk Abdul Halim bin Hamzah, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan & Pembangunan) (tiga,kiri) bersama YBhg. Dato' Rahimi bin Ismail, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (CGSO) (kiri) serta Ketua Jabatan dan Pegawai Kanan Kerajaan.

Majlis sambutan ini telah dimeriahkan dengan kehadiran seramai 800 orang termasuk warga CGSO daripada Ibu Pejabat, Pejabat CGSO Negeri berhampiran, rakan-rakan strategik dari pelbagai Kementerian dan Jabatan serta pegawai dan kakitangan kader CGSO yang bertugas di sekitar Putrajaya, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Majlis Sambutan Hari Raya CGSO ini juga turut diserikan lagi dengan pertandingan hiasan gerai tercantik, pakaian raya Madani yang melibatkan antara bahagian-bahagian di Ibu Pejabat CGSO dan juga persembahan istimewa daripada D' Perwira Buskers. Bagi pertandingan hiasan gerai tercantik telah dimenangi oleh Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM). Pakaian raya Madani bagi kategori lelaki telah dimenangi oleh Encik Syarifudin bin Palawa daripada bahagian Keselamatan IOT dan Rahsia Rasmi, manakala pakaian raya Madani bagi kategori wanita telah dimenangi oleh Puan Amirah binti Abu Bakar daripada ILKEM.



Kelihatan ceria YBhg. Datuk Abdul Halim bin Hamzah, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan & Pembangunan) (kiri) berjalan bersama YBhg. Dato' Rahimi bin Ismail, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (CGSO) (Kanan)

Dengan adanya majlis sambutan ini, diharap ia menjadi jambatan kepada semua pihak untuk mengeratkan hubungan silaturahim tanpa mengira latar belakang, agama dan warna kulit. Perkara ini adalah selaras konsep Malaysia Madani yang dihasratkan oleh YAB Perdana Menteri bagi menjadi wadah memupuk semangat muhibah dan perpaduan selain peluang untuk bertemu serta beramah mesra dikalangan warga CGSO.



## HIASAN GERAI BAHAGIAN IBU PEJABAT CGSO



Bahagian Penyelaras dan Korporat  
Bahagian Inspektorat, Pematuhan &  
Pengiktirafan



Bahagian Keselamatan ICT &  
Rahsia Rasmi



Bahagian Keselamatan Fizikal & Penilaian  
Teknikal dan Unit Integriti



Bahagian Sasaran Penting, Kawasan  
Larangan & Tempat Larangan



Bahagian Khidmat Pengurusan



Institut Latihan Keselamatan  
Perlindungan Malaysia (ILKEM)



Hiasan Gerai Tercantik Dimenangi Oleh Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM)



Pakaian Madani bagi kategori lelaki dimiliki oleh Encik Syarifuddin bin Palawa daripada Bahagian Keselamatan ICT dan Rahsia Rasmi



Pakaian Madani bagi kategori wanita dimiliki oleh Puan Amirah binti Abu Bakar daripada ILKEM

# MAJLIS KONVENTSYEN KESELAMATAN PERLINDUNGAN PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024

Pada 28 Mei 2024, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah menganjurkan Majlis Konvensyen Keselamatan Perlindungan Peringkat Kebangsaan bagi tahun 2024, bertempat di Dewan Damar Sari, Parcel F, Putrajaya. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA). Majlis ini telah dihadiri oleh warga CSGO Ibu Pejabat, CGSO Negeri serta ahli jemputan yang diraikan Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan daripada Kementerian, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Badan Berkanun, Jabatan Persekutuan dan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan.



Majlis Konvensyen Keselamatan Perlindungan Peringkat Kebangsaan dianjurkan adalah bagi meningkatkan tahap pengetahuan dan pemahaman tentang Arahan Keselamatan baharu terutama dalam bab keselamatan rahsia rasmi dalam persekitaran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta pengurusan kesinambungan perkhidmatan yang menjadi keprihatinan utama di sektor kerajaan masa kini. Selain itu, memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada agensi-agensi kerajaan persekutuan dan negeri yang mencapai tahap kecemerlangan pengurusan keselamatan perlindungan dalam Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan.

Majlis ini juga turut memberikan pendedahan berkenaan peralatan dan kelengkapan keselamatan yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang boleh diaplikasikan di Jabatan-Jabatan Kerajaan serta memupuk sikap positif bertanggungjawab disamping menjalankan hubungan kerjasama di antara agensi dalam menjaga kepentingan kerajaan selain kepatuhan kepada Akta Rahsia Rasmi.



Perubahan landskap geo-politik yang didepani ketidaktentuan sosioekonomi dan kemunculan megatrends dilihat dapat memberi ancaman keselamatan kepada aset dan kerahsiaan kerajaan termasuk sabotaj yang boleh menjadkan ekonomi, pertahanan, keselamatan, fungsi-fungsi Kerajaan dan imej negara. Realiti baharu ini menuntut pihak terlibat sentiasa peka dan bertindak proaktif serta inovatif dalam memastikan pengurusan keselamatan di agensi kerajaan lebih tangkas serta tuntas.

Sehubungan dengan itu, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) selaku agensi yang bertanggungjawab secara langsung terhadap keselamatan aset dan kerahsiaan kerajaan mengambil inisiatif untuk menganjurkan Konvensyen Keselamatan Perlindungan Peringkat Kebangsaan bagi tahun 2024 yang kali terakhir diadakan pada tahun 2022 dalam usaha memperkasa kapasiti dan



keupayaan agensi-agensi kerajaan terutama dalam mendokong aspek keselamatan perlindungan dan menyediakan persekitaran keselamatan yang kondusif seiring dengan keperluan semasa demi menjamin kesejahteraan negara.

Pengiktirafan penarafan lima (5) bintang dan penghargaan tertinggi serta mendapat tahap cemerlang dalam Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan (AKKP) yang telah dilaksanakan pada tahun 2023 yang lepas telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) serta turut diiringi oleh YBhg. Dato' Rahimi bin Ismail, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan dan YBrs. Puan Julaila binti Engan, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (Dasar) dengan melalui Anugerah Perdana Keselamatan Perlindungan kepada enam (6) penerima iaitu Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu, Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Kelantan, Jabatan Bendahari Negeri Sabah, Yayasan Terengganu dan Majlis Perbandaran Manjung. Pengiktirafan dan penganugerahan juga telah disampaikan kepada 81 penerima Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan melibatkan Kementerian, Jabatan, Agensi dan Jabatan Persekutuan dan Negeri serta Badan Berkanun dan Pihak Berkua Tempatan yang telah mendapat markah cemerlang.





Selain daripada penyampaian anugerah bagi pengiktirafan penarafan lima (5) bintang, Majlis Konvensyen Keselamatan Perlindungan Peringkat Kebangsaan bagi tahun 2024 telah mengadakan prapelancaran Sistem Pengurusan Keselamatan Perlindungan (e-Protective Security) dan sistem

e-Vetting 3.0 yang telah diperkenalkan oleh YBhg. Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Sistem ini amat penting dalam merujuk kepada langkah-langkah perlindungan keselamatan yang dilaksanakan dalam persekitaran digital atau elektronik untuk melindungi maklumat, sistem, dan rangkaian daripada ancaman siber. Ia juga melibatkan penggunaan teknologi, proses, dan amalan terbaik untuk memastikan keselamatan data dan sistem daripada akses tanpa kebenaran, serangan siber, dan pelbagai ancaman lain.

Majlis Konvensyen Keselamatan Perlindungan Peringkat Kebangsaan bagi tahun 2024 ini telah diakhiri dengan sesi pembentangan kertas oleh empat (4) orang pembentang jemputan yang terdiri daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Malaysia (CGSO), CyberSecurity Malaysia (CSM), National Cyber Security Agency (NACSA) dan Jabatan Digital Negara (JDN). Konvensyen yang berlangsung seharian ini turut diisi dengan sesi Sidang Pleno dan diakhiri dengan pembentangan resolusi hasil daripada konvensyen berkenaan.

**“ KEMAJUAN NEGARA BERGANTUNG PADA APA YANG  
DISUMBANGKAN OLEH RAKYAT. ”**

**TUN ABDUL RAZAK  
- PERDANA MENTERI MALAYSIA KE-2 -**

# TAKLIMAT EKSEKUTIF “KEBERKESANAN PENGUATKUASAAN AKTA RAHSIA RASMI 1972 (AKTA 88) BAGI MELINDUNGI MAKLUMAT RAHSIA RASMI KERAJAAN”

Pada 29 Mei 2024, taklimat eksekutif bertajuk “Keberkesanan Penguatkuasaan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) Bagi Melindungi Maklumat Rahsia Rasmi Kerajaan” telah disampaikan oleh YBhg. Dato’ Normazli binti Abdul Rahim, Ketua Bahagian Penasihat, Jabatan Peguam Negara. Taklimat eksekutif ini telah diadakan di Auditorium Dato’ Sutan Karu, Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM), Bandar Enstek, Negeri Sembilan.

Taklimat eksekutif ini diserikan dengan kehadiran YBhg. Dato’ Rahimi bin Ismail, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan, YBrs. Puan Julaila binti Engan, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (Dasar) dan YBrs. Tuan Hj. Mohd Najib bin Surip, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (Operasi). Taklimat ini turut dihadiri oleh semua Pengarah Bahagian Ibu Pejabat, Pengarah CGSO Negeri, pegawai kanan Ibu Pejabat serta pegawai dari Pejabat CGSO Negeri.



Fokus taklimat ini adalah untuk memberikan kefahaman tentang keberkesanan penguatkuasaan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) bagi melindungi maklumat rahsia rasmi Kerajaan merangkumi mekanisme undang-undang, prosedur pelaksanaan, serta tahap kesedaran dan pematuhan oleh penjawat awam. Akta ini menekankan pentingnya perlindungan maklumat dan menyekat penyebaran maklumat rahsia rasmi yang boleh menjaskan keselamatan negara.



# ARTIKEL CGSO



## PENGENALAN TERHADAP TEKNOLOGI PESAWAT TANPA PEMANDU ATAU UNMANNED AERIAL VEHICLE (UAV)

ENCIK MOHD RADZI BIN JAMALLUDDIN

**PENGARAH  
BAHAGIAN SASARAN PENTING, KAWASAN LARANGAN  
& TEMPAT LARANGAN**

Sejarah penggunaan pesawat tanpa pemandu *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) atau dron ini, pada awalnya ia bertujuan untuk kegunaan tentera. Antaranya bagi tujuan perisikan dan pengumpulan pergerakan tentera musuh serta melakukan serangan udara. Penggunaan UAV ini bermula pada tahun 1843 apabila Tentera Austria menggugurkan belon-belon udara panas yang mengandungi bom ke atas Venice. Pada tahun 1883 dalam Perang Sepanyol-America kedua-dua pihak menggunakan layang-layang yang diikat di bumi untuk mengesan pergerakan tentera musuh. Penggunaan UAV ini mula berkembang pada zaman Perang Dunia pertama, Kedua, Perang Vietnam, Perang Dingin, Perang Teluk sehingga kini.

Secara umumnya definisi UAV ini ialah pesawat tanpa pemandu. Pada asasnya UAV ini ialah seperti robot yang terbang dengan dikawal dari jauh atau terbang secara automatik melalui perisian yang telah diprogramkan terlebih dahulu oleh pengendalinya. Dalam pesawat UAV ini ia dilengkapi dengan sistem kawalan dan sistem penderiaan serta kamera yang bertindak memandu arah UAV semasa dalam penerbangan. Perkembangan UAV sangat pesat. Teknologi yang dibangunkan untuk UAV ini begitu canggih. Kelengkapan pada UAV seperti sistem radar, peralatan pengesanan, sistem navigasi, kamera resolusi tinggi, perkongsian data secara masa nyata dan peralatan pengimejan canggih yang semakin banyak digunakan dalam pelbagai bidang lain selain daripada ketenteraan.

UAV yang menggunakan teknologi kepintaran buatan atau *Artificial Intelligent* (AI) semakin mendapat perhatian dan permintaan. Ia terbang secara autonomi, kebolehan menganalisa data dan berkongsi data secara *real time*, dilengkapi kamera beresolusi tinggi, pengimejan haba, berkeupayaan mengesan objek pada waktu malam atau cuaca gelap.



UAV masa kini yang terdapat di pasaran terdiri daripada UAV Multirotor. Dron jenis *Quadcopter* ini mampu membawa muatan seperti kamera untuk pencitraan udara dan sangat bagus untuk pemeriksaan infrastruktur.



Gambar 1. Dron *Quadcopter*

Dron jenis multirotor *Hexacopter* pula sesuai untuk tujuan pemetaan dari udara. Dron ini lebih stabil kerana mempunyai enam (6) rotor.



Gambar 2. Dron *Hexacopter*

Untuk tujuan pertanian pula, dron jenis *Octoper* yang mempunyai lapan (8) rotor sesuai digunakan kerana kemampuan membawa muatan lebih berat untuk aktiviti penyemaian benih dan kawalan makhluk perosak.



Gambar 3. Dron *Octoper*

Jenis dron *fixed-wing* atau pesawat kepak kaku. Mempunyai sayap seperti pesawat konvensional yang lain. Pesawat jenis ini boleh terbang lebih lama dan boleh ditugaskan untuk tujuan pemantauan kawasan yang luas. Sesuai untuk tujuan pemantauan kawasan maritim, hutan, sempadan negara, pencitraan udara dan pemetaan. Dron jenis ini banyak digunakan oleh pihak Agensi Penguatkuasaan seperti Polis, Pengawal Pantai dan Angkatan tentera.




Gambar 1. Dron *Fixed wing*

Manakala jenis dron *Hybrid Drone*. Dron ini menggunakan kepak kaku, boleh berlepas dan mendarat secara menegak serta mempunyai kebolehan untuk mengapung seperti dron multirotor. Ia juga sesuai digunakan untuk pemantauan udara di suatu kawasan yang luas tetapi tidak mempunyai tempat sesuai bagi pendaratan secara konvensional.



Gambar 2. *Hybrid Drone*

Kebanyakkan UAV terbang menggunakan kuasa bateri terutama dari jenis *lithium polymer battery* (LiPos). Dron yang terbang menggunakan bateri jenis ini boleh terbang selama dua puluh minit (20) bergantung kepada muatan yang dibawa. Terdapat juga UAV yang menggunakan kuasa solar dan boleh terbang dalam tempoh sangat lama, mungkin bertahun lamanya. Kebiasaananya dron jenis ini digunakan bagi tujuan eksperimental sains seperti kajian mengenai pencemaran udara, cuaca dan sebagainya. Kini terdapat kajian yang dijalankan bagi menerangkan dron menggunakan tenaga hidrogen. Pesawat mampu terbang selama dua (2) jam jika menggunakan tenaga ini.



UAV yang ditugaskan untuk terbang lebih lama dan membawa muatan lebih berat biasanya menggunakan teknologi pembakaran dalaman atau dikenali sebagai *internal combustion engine* (ICE). Bahan bakar yang biasa digunakan ialah dari jenis *gasoline*. Terdapat teknologi dron yang boleh terbang selama-lamanya jika diberikan bekalan tenaga berterusan yang dikenali sebagai dron *tethered*. Dron jenis ini diikat dengan kabel yang bersambung dengan punca tenaga elektrik dari bumi.

Kekurangannya ialah ia tidak boleh terbang jauh kerana faktor panjang kabel yang terhad. Dron ini sesuai untuk tujuan pengintipan, pengawasan sempadan dan pemantauan cuaca.

Malaysia mempunyai undang-undang khusus bagi mengawal aktiviti penerbangan UAV ini. Pada tahun 2016 Pihak berkuasa Penerbangan Awam Malaysia atau CAAM telah memperkenalkan Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam Malaysia 2016. Peraturan 140 hingga Peraturan 144 dengan jelas menerangkan apa yang dibolehkan dan yang tidak dibolehkan dalam pengendalian UAV seperti larangan terbang ke atas perhimpunan awam yang melebihi seribu orang (1000) (Peraturan 143 (1)(C)). Selain itu Peraturan 144 pula hanya UAV yang beratnya kurang dua puluh kilogram (20kg) sahaja yang dibenarkan terbang, jika lebih ia perlu mendapat kebenaran CAAM.

Penggunaan UAV sangat menjimatkan kos dalam apa juu aktiviti berbanding kaedah konvensional. Pemeriksaan infrastruktur seperti talian grid tenaga hanya boleh dilakukan dengan satu (1) unit dron dan seorang pengendali sahaja berbanding kaedah konvensional yang memerlukan ramai pekerja dan mempunyai risiko keselamatan ke atas mereka. Menggunakan dron untuk mengambil gambar juga sangat efektif. Gambar yang diambil dari dron boleh dikongsikan dengan pemilik aset secara *real time* dan data boleh dianalisa serta merta. Dron boleh diterbangkan di kawasan yang sukar atau terlalu bahaya untuk diakses oleh manusia. Selain itu pelbagai muatan boleh dipasang pada dron seperti kamera canggih beresolusi tinggi, *thermal imaging camera* bagi tujuan pengawasan, pemantauan, pencitraan udara dan pemetaan udara dan pelbagai lagi aplikasi.

Kesimpulannya, teknologi ini semakin berkembang pesat dan penggunaanya terus meluas dalam pelbagai bidang. Bermula dari hobi, dron kini merupakan satu industri yang boleh menjana ekonomi negara serta mewujudkan peluang pekerjaan. Namun demikian ia perlu dikawal selia untuk memastikan industri dron ini berkembang dalam persekitaran yang terkawal demi kepentingan ekonomi dan keselamatan negara.

#### Sumber Rujukan:

1. Kursus Profesionalisme Pengurusan Dron pada 16 April hingga 21 April 2024;
2. Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2007: Pekeliling Arahan Keselamatan Terhadap Dokumen Geospatial Terperingkat.
3. ET2C, *Sourcing Made Simple*
4. UAVOS, *Beyond Human Capacity. Under Machine Control*
5. ResearchGate, *Illustration of key elements for a platform for tether UAV*.





## PENYELIA YANG BERTANGGUNGJAWAB

TUAN HAJI AZALI BIN BACHOK

PEGAWAI KESELAMATAN  
KETUA UNIT INTEGRITI

Pegawai, kakitangan atau penjawat awam yang berkualiti tinggi merupakan aset penting sesebuah organisasi dan negara. Sifat amanah, telus, bertanggungjawab dan berkhidmat demi kepentingan awam merupakan intipati terhadap kejayaan integriti dan etika organisasi. Organisasi sentiasa berhadapan dengan pelbagai bentuk ancaman sama ada dari dalam maupun luar persekitaran dan ancaman ini boleh menjaskan prestasi, produktiviti serta masa hadapan sesebuah organisasi. Dewasa ini, rata-rata ancaman ke atas organisasi berpunca daripada individu-individu dalam organisasi itu sendiri dan seterusnya melibatkan ahli-ahli lain yang merosakkan identiti organisasi kerajaan. Lazimnya, ancaman ini mempunyai hubungkait yang erat dengan isu etika dan integriti. Dengan kata lain kejayaan dalam organisasi bukan sekadar penglibatan diri individu untuk menyediakan keperluan dirinya sahaja sebaliknya melibatkan tindakan pegawai penyelia yang dapat mengurus, merancang dan mengawal kakitangan di bawah seliaannya.



Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (Kamus Dewan Edisi Keempat) penyelia didefinisikan orang yang menyelia, pengawas. Definisi lain pula ialah individu yang bertanggungjawab secara langsung untuk memastikan setiap tugas dilaksanakan oleh orang atau pekerja dalam sesebuah organisasi, penyelia juga adalah seseorang yang diberi kuasa dan tanggungjawab untuk merancang dan mengawal tugas-tugas dalam sesuatu organisasi di bawah pengawasan beliau.

Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Tatakelakuan Dan Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam Ceraian UP.7.2.1 (Kewajipan Mematuhi Peraturan-Peraturan Pegawai Awam) Penyelia dan Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan setiap pegawai dibawah seliaan masing-masing untuk memahami, menghayati dan mematuhi peringatan dan penjelasan yang ditetapkan dalam kewajipan mematuhi peraturan-peraturan pegawai awam ke arah meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam. Penyelia dan Ketua Jabatan juga adalah bertanggungjawab untuk menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai dan melaporkan sebarang pelanggaran tatakelakuan, aku janji atau peraturan yang berkuat kuasa kepada Pihak Berkuasa Tatatertib untuk diambil tindakan tatatertib.

Penyelia adalah pengurus barisan hadapan yang memastikan segala perancangan yang di buat oleh pihak pengurusan akan terlaksana dengan cara memastikan para kakitangan di bawah seliaannya menjalankan pekerjaan sepertimana yang ditetapkan. Gagal atau berjaya sesuatu proses kerja banyak bergantung kepada kecekapan penyelia di dalam merancang, mengimplementasi dan juga bagaimana seseorang penyelia itu berhadapan dengan isu-isu atau karenah-karenah pekerja. Penyelia yang cekap dan terlatih akan dapat membawa organisasi ketahap yang lebih baik dan sebaliknya, jika terdapat penyelia yang kurang cekap, ia akan memberi kesan yang besar kepada sesebuah organisasi.

Dalam sektor Perkhidmatan Awam tugas pegawai penyelia adalah bertanggungjawab untuk hubungan antara bawahan dan pengurusan, kewajipan pegawai penyelia adalah mengatur aliran kerja sebagai contoh tugas yang masuk diatur secara bijaksana oleh pegawai penyelia seterusnya tugas diajih kepada kakitangan mengikut bidang atau kepakaran, pegawai penyelia juga perlu memastikan kakitangan memahami tugas yang diberikan kepada mereka. Memantau produktiviti kakitangan adalah elemen yang amat perlu dititikberatkan kerana tanpa pemantauan yang berkesan hasil yang diharapkan tidak akan mencapai objektif. Pegawai penyelia juga perlu memberi maklum balas atau bimbingan yang membina kepada kakitangan secara formal atau pun tidak formal, pegawai penyelia juga perlu memastikan perundangan, peraturan dan dasar organisasi di dipatuhi. Jika terdapat isu etika, tatakelakuan dan integriti pegawai penyelia perlu mengambil tindakan yang proaktif bagi membantu kakitangan tetapi bagi kakitangan yang tidak dapat dibantu dan masih melakukan pelanggaran atau



kesalahan maka kakitangan boleh dirujuk kepada pihak yang melaksanakan tindakan tatatertib jika perlu. Penyelia dan Ketua Jabatan yang gagal menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai bawahannya hendaklah disifatkan cuai dalam melaksanakan tugasnya dan boleh dikenakan tindakan tatatertib, di bawah Peraturan 3C, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993. Pegawai penyelia juga perlulah mengekalkan pengetahuan profesional dan teknikal dengan menyertai bengkel latihan atau seumpamanya bagi menambah atau kekal dalam keadaan yang terbaik sebagai pegawai penyelia.

Komunikasi dan kebijaksanaan untuk bekerjasama dengan orang lain juga adalah resepi untuk menjadi pegawai penyelia yang berjaya ke peringkat yang lebih tinggi. Tiada pegawai penyelia yang boleh naik dan berjaya seorang diri tanpa adanya komunikasi dan kerjasama yang baik dengan orang lain. Secara keseluruhannya, pegawai penyelia yang baik adalah seorang ketua yang berupaya mempengaruhi, memotivasi, dan membolehkan orang lain untuk menyumbang ke arah keberkesanan dan kejayaan organisasi di tempat mereka bekerja berdasarkan matlamat dan visi yang ditetapkan.

**Sumber Rujukan :**

1. Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Tatakelakuan Dan Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam Ceraian UP.7.2.1 (Kewajipan Mematuhi Peraturan-Peraturan Pegawai Awam)
2. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993



# PERPADUAN KAUM DI MALAYSIA

Pada era globalisasi ini, perpaduan kaum perlu dititikberatkan oleh semua golongan masyarakat. Ini kerana perpaduan kaum amat penting dalam memajukan negara kita. Warganegara yang tidak mempraktikkan semangat perpaduan akan mengakibatkan suasana tidak aman dan berpecah belah serta menjaskan ekonomi negara. Oleh kerana itulah, masyarakat kita mestilah memupuk perpaduan kaum. Persoalannya, apakah cara-cara memupuk perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat di negara kita ?

Antara cara memupuk perpaduan kaum ialah keluarga memainkan peranan yang penting dalam merangsang, memperkuuh dan memperkasa kepentingan nilai perpaduan. Ibu bapa merupakan pendidik pertama dan berterusan dalam menjamin pemberian nilai perpaduan ini melalui asuhan dan didikan anak dalam persekitaran keluarga. Peranan ibu bapa bukan sekadar menerapkan anak-anak dengan ilmu dan pengetahuan tentang disiplin, budaya, tradisi mahupun agama, tetapi juga dengan nilai perpaduan agar anak-anak dapat membesar dalam persekitaran yang sihat tanpa diracuni oleh sikap prejudis dan rasisme.



Sumber Gambar : Kementerian Perpaduan Negara

Selain itu, pihak sekolah melalui guru-guru penting dalam menyampaikan ilmu perpaduan kepada pelajar. Hal ini demikian kerana penyampaian ilmu perpaduan yang berkesan kepada pelajar dapat menjamin keamanan dan keharmonian negara. Segala tingkah laku guru mudah diikuti oleh pelajar terutamanya pelajar sekolah rendah kerana pelajar menganggap guru sebagai idola mereka. Guru mempunyai potensi untuk mempengaruhi minda dan tingkah laku pelajar melalui tindakan dan tingkah laku mereka. Oleh itu, tanggungjawab seseorang guru sebagai agen perpaduan amat penting untuk mempertahankan keamanan dan kestabilan negara memandangkan peranan guru sebagai agen sosialisasi dalam membentuk perpaduan kaum di sekolah penting untuk melahirkan masyarakat yang bersatu padu.

Di samping itu, peranan media seperti akhbar dan televisyen dalam menyemai perpaduan hendaklah diteruskan. Media berperanan menjadi agen penyatuan apabila dilihat sentiasa menyebarkan galakan perpaduan seperti memaparkan iklan-iklan yang juga terselit elemen kepelbagaian kaum. Pada hakikatnya, secara tidak langsung iklan tersebut akan meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat bahawa perpaduan itu amat penting bagi menjamin keharmonian negara. Pelbagai iklan yang ditayangkan juga dapat memupuk sikap hormat-menghormati antara kaum.

Selain itu juga, pihak kerajaan memainkan peranan yang paling penting dalam memupuk perpaduan kaum. Dibawah pemerintahan Kerajaan Madani, Kementerian Perpaduan Negara melaksanakan dasar untuk memperkuatkan perpaduan dan harmoni dalam masyarakat disamping menggalakkan inisiatif yang mendorong dialog antara pelbagai kumpulan etnik dan agama, serta mempromosikan nilai-nilai saling hormat dan toleransi. Langkah-langkah ini penting untuk memastikan keselamatan sosial dan pembangunan negara yang inklusif di bawah pemerintahan yang adil dan saksama.

Aktiviti atau usaha yang boleh dijalankan adalah melalui kempen atau mengadakan ceramah perpaduan kaum. Ini bagi memberikan kesedaran kepada masyarakat akan kepentingan perpaduan kaum di dalam negara. Kerajaan juga boleh mengadakan pelbagai program lain bagi menarik minat generasi muda terhadap perpaduan kaum. Sebagai contoh, pihak kerajaan boleh menganjurkan pertandingan membuat video atau poster dan memaparkannya melalui media massa dan media sosial. Ini kerana, media sosial pada masa kini banyak digunakan oleh generasi muda untuk mendapatkan maklumat dan sebagainya.

Tuntasnya, perpaduan kaum merupakan elemen yang penting dan harus diberi perhatian kerana pemupukan hubungan etnik antara masyarakat adalah amat penting bagi negara kita yang bermasyarakat majmuk serta menjamin kestabilan ekonomi dan politik negara. Hubungan kaum yang harmoni adalah kunci kepada kemajuan dan kestabilan negara. Bagi mencapai kemajuan, negara memerlukan rakyat yang dedikasi dan komited untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Bak kata peribahasa “bersatu kita teguh, bercerai kita robuh,” kita mestilah memupuk perpaduan kaum demi kemakmuran dan keharmonian negara.

**Sumber Rujukan :**

- 1.Abd. Rahim Abd. Rashid. 2001. Nilai-nilai Murni Dalam Pendidikan: Menghadapi Perubahan dan Cabaran Alaf Baru. Kuala Lumpur
- 2.Dasar Perpaduan Negara, Kementerian Perpaduan Negara

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

**FOKUS**

# KURSUS PROFESIONALISME PENGURUSAN DRON

Pada 16 April 2024 hingga 21 April 2024, Bahagian Sasaran Penting, Kawasan Larangan dan Tempat Larangan (BSPKLTL) telah melaksanakan Kursus Profesionalisme Pengurusan Dron bagi kakitangan di BSPKLTL serta kakitangan di CGSO negeri bertempat di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) dengan kerjasama syarikat Aerodyne Group. Seramai 20 orang pegawai telah dipilih untuk menyertai kursus ini.



Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) merupakan salah satu jabatan/agensi yang bertanggungjawab dalam melaksanakan prosedur kelulusan permit pencitraan dan penawanan data dengan memberikan kelulusan penerbangan UAV atau apa-apa platform bawaan udara di Malaysia. Proses kelulusan penerbangan ini perlu dibuat bagi mengawal dron-

dron yang berterbang di ruang udara tanpa kawalan terutamanya melibatkan Kawasan Sasaran Penting Kawasan Larangan dan Tempat Larangan. Antara jabatan/agensi yang turut terlibat dalam proses kelulusan penerbangan dron adalah Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan juga Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (CAAM).



Justeru itu, kursus ini telah dilaksanakan bagi tujuan untuk memberikan pendedahan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan CGSO dalam memahami dengan lebih jelas tentang teknologi dron terutama dalam tatacara pengendalian dron, proses permohonan, kelulusan dan

penerbangan dron serta mengemaskini data-data yang terkumpul selaras dengan Pelan Strategik CSGO Teras 1 (Strategi 1: meningkatkan kompetensi dan keperluan modul insan (Pensijilan Profesional dan Akreditasi)).

Dron bukan sahaja beroperasi sebagai sebuah pesawat tanpa pemandu, tetapi teknologi dron kini dapat menangkap dan mengumpulkan maklumat data Geospatial terperingkat seperti contoh operasi PDRM dalam mengawal kesesakan lalu lintas dan pemantauan aktiviti haram di dalam hutan. Oleh itu, kursus ini perlu diberikan pendedahan dalam mempelajari teknologi dron dan mencapai objektif pemahaman dan pengetahuan lebih lanjut berkenaan pengendalian dron serta akta dan undang-undang yang berkaitan dengan dron.



Kursus ini telah disempurnakan dengan majlis perasmian penutupan oleh YBhg. Dato' Rahimi bin Ismail, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan serta turut hadir bersama ke majlis perasmian penutupan kursus ini ialah YBrs. Tuan Haji Mohd Najib bin Surip, Timbalan Ketua Pengarah

Keselamatan Kerajaan (Operasi), Encik Roselan bin Mohamed, Pengarah Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM), Encik Mohd Radzi bin Jamalluddin, Pengarah Bahagian Sasaran Penting, Kawasan Larangan dan Tempat Larangan (BSPKLTL) serta Encik Kamarul A Muhamed, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Aerodyne Group.



## PENGENALAN LAGU AMANAH CGSO

Tanggal 21 Mei 2024 merupakan tarikh yang bersejarah buat CGSO di mana kejayaan telah ternukil dengan penghasilan lagu CGSO yang bertajuk Amanah CGSO. Buat julung kalinya lagu ini telah dipersembahkan oleh barisan kumpulan Koir CGSO di hadapan seluruh warga kerja CGSO dalam Majlis Amanat YBhg. Dato' Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan bersama warga CGSO bertempat di Aras -2, Bangunan Sri Perdana 7, Putrajaya. Penghasilan lagu baharu CGSO adalah suatu pencapaian yang amat besar kepada CGSO.



Matlamat penciptaan lagu CGSO adalah bagi melahirkan warga CGSO yang setia di mana penghasilan lagu CGSO akan melahirkan pegawai dan kakitangan yang mempunyai semangat kecintaan dan kekitaan kepada jabatan serta meningkatkan jati diri untuk membawa dan mengharumkan nama CGSO di Malaysia.



Lagu Rasmi CGSO telah berkumandang di Majlis Konvensyen Keselamatan Perlindungan pada 28 Mei 2024

## AMANAH CGSO

CGSO WALAU DI MANA SAHAJA  
DI LAUT DARAT DAN JUGA UDARA  
MENGERAH KERINGAT TANPA PUTUS ASA  
DEMI MENJAGA ASET DAN KERAHSIAAN NEGARA

RAHSIAKAN RAHSIA KERAJAAN  
JADI PEGANGAN DAN JUGA AMALAN  
SEMOGA KITA DAPAT LAKSANAKAN  
AMANAH YANG DIBERIKAN

AYUH KITA WARGA CGSO SEMUA  
BEKERJA DENGAN HARMONI SETIA  
MEMPERKASA KESELAMATAN PERLINDUNGAN NEGARA  
DEMI PERTIWI YANG TERCINTA

**PENULIS LIRIK**  
**PINDAAN LIRIK**

: MOHAMMED FADLEE BIN MOHAMMED ARIS  
: DATO' RAHIMI BIN ISMAIL  
(KETUA PEGARAH CGSO)

**KOMPOSER RASMI**  
**PENYANYI ASAL**

: MOHD TAUFIQ BIN ABDUL RAHIM  
: MOHAMMAD KHAIDIR BIN MOHAMMAD  
: NURUL DALILA BT MAT ALI



# MESYUARAT JAWATANKUASA KESELAMATAN JABATAN- JABATAN KERAJAAN

Pada 25 April 2024, buat julung kalinya YBhg. Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan Bin Haji Abdul Aziz, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Jabatan-Jabatan Kerajaan (JKJK) bagi Bilangan 1 Tahun 2024.



Mesyuarat ini juga adalah bagi membantu Jemaah Menteri dalam menetapkan dasar, peraturan dan prosedur dalam mengekang ancaman keselamatan semasa serta merencana tindakan yang perlu diambil dalam menangani insiden-insiden pelanggaran keselamatan yang berlaku sepetimana yang termaktub di bawah Perenggan 28, Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017).



Ketua Pengarah Keselamatan Negara, Ketua Staf Markas Angkatan Tentera Malaysia, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya

Keahlian jawatankuasa ini terdiri daripada Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Peguam Negara, Ketua Polis Negara, Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri,

Malaysia serta YBhg. Dato' Rahimi bin Ismail, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan selaku Setiausaha kepada Mesyuarat JKJK ini.

Mesyuarat ini telah membincangkan tiga Kertas Pertimbangan dan Makluman iaitu Cadangan Kelulusan Surat Pekeliling Am Bilangan 02 Tahun 2024, Penubuhan Dan Pengurusan Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan Dalam Perkhidmatan Awam di Jabatan Kerajaan, Cadangan Penubuhan Bahagian Keselamatan Perlindungan (BKEP) di Kementerian dan Jabatan Persekutuan serta Pemakluman Penama Berekod Tapisan Keselamatan Pegawai Awam Tahun 2023.



## AKTIVITI YANG DIJALANKAN PADA BULAN APRIL, MEI DAN JUN 2024

BIL	AKTIVITI APRIL 2024	TARIKH	JUMLAH PESERTA
1.	KURSUS PEGAWAI PENGELAS (COC 1003), SIRI 1/2024	23 - 24 APRIL 2024	20
2.	KURSUS PENGURUSAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN (PSM 1006), SIRI 1/2024	23 - 24 APRIL 2024	22
3.	BENGKEL PENGENDALIAN BUKU DAFTAR SURATAN RAHSIA RASMI AM 492, AM 492A DAN AM 492B (SRC 1008), SIRI 1/2024	29 - 30 APRIL 2024	32
4.	KURSUS PENGUKUHAN KESELAMATAN PERSONEL (PSW 3003), SIRI 1/2024	30 APRIL 2024	18
5.	BENGKEL PENGGUNAAN WALKIE TALKIE (LUAR TAKWIM)	22 - 23 APRIL 2024	33
6.	KURSUS TOT KESELAMATAN FIZIKAL SIRI 2/2024	24 - 25 APRIL 2024	33
7.	KURSUS INTEGRITI SIRI 2/2024	29 - 30 APRIL 2024	30




# AKTIVITI YANG DIJALANKAN PADA BULAN APRIL, MEI DAN JUN 2024

BIL	AKTIVITI MEI 2024	TARIKH	JUMLAH PESERTA
1.	KURSUS PROFESIONALISME PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PKJ) (DSO 1001), SIRI 2/2024	07 MEI 2024 - 09 MEI 2024	57
2.	KURSUS KESEDARAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ICT) (ITS 1004), SIRI 2/2024	07 MEI 2024 - 08 MEI 2024	25
3.	KURSUS KAWALAN DOKUMEN RASMI DAN DOKUMEN RAHSIA BAGI PENDAFTAR RAHSIA, PEMBANTU KHAS DAN KESETIAUSAHAAN PEJABAT (SRC 1007), SIRI 2/2024	07 MEI 2024 - 08 MEI 2024	34
4.	KURSUS KAWALAN DOKUMEN RASMI DAN DOKUMEN RAHSIA RASMI BAGI PENDAFTAR RAHSIA, PEMBANTU KHAS DAN KESETIAUSAHAAN PEJABAT (SRC 1007), SIRI 1/2024 - JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR	30 - 31 JANUARI 2024	42
5.	KURSUS PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PPKJ) (ADSO 1002), SIRI 3/2024 - BILIK TUTORIAL 4	14 MEI 2024 - 16 MEI 2024	34
6.	KURSUS PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PPKJ) (ADSO 1002), SIRI 3/2024 - BILIK TUTORIAL 5	14 MEI 2024 - 16 MEI 2024	34
7.	KURSUS PENGURUSAN KESELAMATAN SASARAN PENTING DAN KAWASAN LARANGAN TEMPAT LARANGAN BAGI PENGHUNI DAN PEMILIK (KPM 1010), SIRI 2/2024	14 MEI 2024 - 16 MEI 2024	31
8.	KURSUS PROTOKOL SIRI 2/2024	07 MEI 2024	25
9.	KURSUS ASAS PENGENDALIAN T BATON SIRI 1/2024	13 - 17 MEI 2024	30
10.	BENGKEL TOT PENGURUSAN SASARAN PENTING & KAWASAN LARANGAN TEMPAT LARANGAN SIRI 1/2024	20 - 21 MEI 2024	25
11.	KURSUS PENGUKUHAN PASUKAN KOIR CGSO (LUAR TAKWIM)	26-28 MEI 2024	24

## AKTIVITI YANG DIJALANKAN PADA BULAN APRIL, MEI DAN JUN 2024

BIL	AKTIVITI JUN 2024	TARIKH	JUMLAH PESERTA
1.	KURSUS KAWALAN DOKUMEN RAHSIA RASMI (DCC 1008), SIRI 2/2024	05 - 06 JUN 2024	25 ORANG
2.	KURSUS PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PPKJ) (ADSO 1002), SIRI 4/2024	11 - 13 JUN 2024	102 ORANG
3.	KURSUS PENGAWALAN KESELAMATAN FIZIKAL (SGC 1013), SIRI 3/2024	11 - 13 JUN 2024	32 ORANG
4.	KURSUS PEGAWAI PENGELAS (COC 1003), SIRI 2/2024	25 - 26 JUN 2024	40 ORANG
5.	BENGKEL TOT PEMAHAMAN PENGURUSAN RAHSIA RASMI SIRI 2/2024	04 - 05 Jun 2024	10 Orang
6.	BENGKEL TOT ICT RAHSIA RASMI SIRI 2/2024	06 Jun 2024	13 ORANG
7.	BENGKEL TOT PELAKSANAAN PKP DI SEKTOR AWAM SIRI 2/2024	10 - 11 Jun 2024	27 ORANG





# AKTIVITI DI ILKEM

# *Majlis Khatam Al-Quran*

INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA  
(ILKEM)

Pada 2 April 2024, Majlis Khatam Al-Quran telah diadakan bertempat di Surau At-Taqwa, ILKEM. Seramai 16 orang peserta telah terlibat di dalam majlis ini. Turut hadir di dalam majlis yang mulia ini Puan Salmah binti Shahidan, Pendaftar ILKEM, Puan Nurul Haswani binti Saiman, Ketua Program Akademik dan Kompetensi, kakitangan ILKEM serta kakitangan pembersihan daripada Syarikat Nadi Ell Holding.



Majlis khatam Al-Quran penuh dengan nilai keagamaan dan sosial yang mendalam. Ia tidak hanya menandakan pencapaian rohani, tetapi juga mengeratkan hubungan dalam kalangan umat Islam, mendidik generasi muda, dan membawa keberkatan serta rahmat dalam kehidupan seharian. Majlis ini juga mengingatkan umat Islam tentang

pentingnya membaca, memahami, dan menghayati Al-Quran. Ia menggalakkan amalan membaca Al-Quran secara konsisten dan mengkhatamkannya. Oleh itu, mengadakan majlis khatam Al-Quran adalah suatu amalan yang sangat digalakkan dan bermanfaat dalam masyarakat Islam.

## PENGURUSAN WALKIE-TALKIE BAGI PEGAWAI CGSO

Pada 22 hingga 23 April 2024, Bengkel Pengurusan Walkie-Talkie bagi pegawai CGSO telah diadakan di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM). Seramai 33 orang peserta daripada pelbagai Kementerian, jabatan dan juga agensi telah hadir di dalam Bengkel Pengurusan Walkie-Talkie ini. Bengkel ini telah disampaikan oleh penceramah Encik Zanirul Akhmal bin Zanirun daripada Malaysia Amateur Radio Transmitters' Society (MARTS).



Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan ilmu pengetahuan yang baharu kepada Pegawai Keselamatan Kerajaan berkenaan alat komunikasi Walkie-Talkie berdasarkan keperluan kepakaran masing-masing di dalam tugas hakiki. Pemilihan peserta adalah berdasarkan tahap kompetensi dan integriti pegawai di dalam memastikan kebolehgunaan ilmu pengetahuan tersebut di tempat atau keadaan masa yang tepat dan sesuai.

Walkie-Talkie merupakan alat komunikasi penting dalam bidang keselamatan perlindungan ia digunakan secara meluas oleh pasukan keselamatan, polis, dan pihak berkuasa lain. Berikut adalah beberapa peranan utama Walkie-Talkie dalam keselamatan :

pihak berkuasa lain. Berikut adalah beberapa peranan utama Walkie-Talkie dalam keselamatan :

- ❖ **Komunikasi Segera** : Walkie-Talkie membolehkan komunikasi yang cepat dan segera antara ahli pasukan keselamatan. Ini sangat penting dalam situasi kecemasan di mana maklumat perlu disampaikan dengan pantas tanpa kelewatan.
- ❖ **Ketahanan dan Kebolehpercayaan** : Walkie-Talkie direka untuk bertahan dalam keadaan persekitaran yang sukar, termasuk cuaca buruk, jatuhan, dan hentakan. Walkie-Talkie juga mempunyai hayat bateri yang panjang, membolehkan penggunaan berterusan dalam tempoh yang lama tanpa perlu pengecasan kerap.
- ❖ **Keselamatan Komunikasi** : Walkie-Talkie sering dilengkapi dengan saluran peribadi dan enkripsi untuk melindungi maklumat sensitif daripada didengar oleh pihak yang tidak berkenaan. Ini menjadikan komunikasi lebih selamat dan sulit.
- ❖ **Kecekapan Operasi** : Walkie-Talkie meningkatkan kecekapan operasi dengan menyediakan cara komunikasi bebas tangan yang membolehkan kakitangan keselamatan beroperasi dengan lebih cekap dan dengan kesedaran situasi yang lebih baik. Ini adalah faktor penting dalam operasi keselamatan di mana tidak balas perlu cepat apabila berada di dalam keadaan yang kritikal.



**Penggunaan dalam Pelbagai Keadaan** : Terdapat pelbagai jenis Walkie-Talkie yang direka untuk keperluan berbeza, termasuk yang tahan air dan tahan debu untuk digunakan dalam persekitaran keras seperti tapak pembinaan dan lombong. Ini memastikan bahawa ia boleh digunakan dalam hampir semua keadaan operasi.

Dalam bengkel ini, penggunaan Walkie-Talkie juga ditekankan sebagai alat komunikasi yang efisien dan efektif, penting untuk kawalan, pemeriksaan, dan pemantauan.

Selain itu, dalam konteks penguatkuasaan undang-undang seperti Unit Tindakan Khas (UTK) Polis Diraja Malaysia, Walkie-Talkie adalah peralatan standard yang kritikal untuk tugas operasi dan keselamatan. Secara keseluruhan, Walkie-Talkie adalah alat komunikasi yang tidak boleh diketepikan dalam memastikan keselamatan dan perlindungan optimum dalam pelbagai situasi operasi keselamatan.

# KURSUS PENGUKUHAN KESELAMATAN PERSONEL

Pada 30 April 2024, Kursus Pengukuhan Keselamatan Personel bagi pegawai CGSO telah diadakan di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM). Seramai 18 orang peserta daripada pelbagai Kementerian, jabatan dan juga agensi telah hadir di dalam kursus ini. Kursus ini telah disampaikan oleh penceramah Encik Masfairuddin bin Masjidil daripada bahagian keselamatan personel, ibu pejabat CGSO.



Kursus ini diadakan bertujuan memberi pengetahuan mengenai prinsip dan dasar keselamatan peribadi dan juga memberi pendedahan berkaitan pelanggaran keselamatan yang perlu dielakkan semasa menjalankan tugas. Peserta turut didedahkan mengenai tapisan halus dan tapisan kasar di dalam kursus ini. Tapisan sebagai salah satu cara menentang kegiatan-kegiatan subversive, espionaj dan sabotaj. Kerajaan telah mewujudkan satu proses memeriksa latarbelakang penjawat-penjawat awam. Proses ini dinamakan "Tapisan Keselamatan" dan mengandungi dua jenis iaitu "kasar" dan "halus".



Tapisan kasar ialah proses yang asas digunakan bagi menapis penjawat-penjawat awam yang dikehendaki melihat perkara-perkara yang terperingkat setakat peringkat sulit manakala tapisan halus pula ialah proses yang teliti digunakan bagi menapis penjawat-penjawat awam yang sentiasa dikehendaki melihat perkara terperingkat Rahsia atau Rahsia Besar.

# KURSUS ASAS PENGENDALIAN T-BATON


Pada 14 hingga 16 Mei 2024, Kursus Asas Pengendalian T-Baton telah diadakan di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM). Seramai 34 orang peserta daripada pelbagai Kementerian, jabatan dan juga agensi telah hadir di dalam kursus PPKJ ini. Kursus ini telah disampaikan oleh tenaga pengajar Encik Zanirul Akhmal bin Zanirun daripada Malaysia Amateur Radio Transmitters' Society (MARTS).



Tujuan Kursus Asas Pengendalian T-Baton ini diadakan adalah untuk memastikan pegawai keselamatan menerima latihan dan Pendidikan mencukupi dalam penggunaan T-Baton sebelum diberi kuasa untuk menggunakannya. Selain itu, latihan ini merangkumi teknik pengendalian, keselamatan, dan etika penggunaan. Sebelum menggunakan T-Baton, pegawai keselamatan perlu menilai situasi dengan

teliti untuk menentukan sama ada penggunaan alat itu adalah perlu dan berpatutan. Penggunaan T-Baton haruslah selaras dengan prinsip-prinsip keselamatan dan undang-undang yang berkenaan. Selain itu juga, penting bagi pegawai keselamatan untuk mengekalkan kawalan diri dan kehendak ketika menggunakan T-Baton. Penggunaan alat ini haruslah berpaksikan objektiviti dan penilaian yang munasabah dalam menangani situasi yang berpotensi bermasalah.

T-Baton dikenali sebagai tongkat T, adalah salah satu alat yang penting dalam peralatan pasukan keselamatan dan penguatkuasa undang-undang di seluruh dunia. Di dalam kursus ini peserta turut didedahkan peranan T-Baton dalam pasukan keselamatan. Antara peranan T-baton dalam pasukan keselamatan adalah kawalan terhadap orang ramai. T-Baton sering digunakan untuk mengawal pergerakan orang ramai dalam demonstrasi awam, karnival, atau acara besar lain dengan mengendalikan pergerakan orang ramai, pasukan keselamatan dapat mengekalkan ketertiban awam dan mengelakkan kejadian yang tidak diingini.



Selain itu, ia sebagai alat pertahanan diri. T-Baton memberikan pegawai keselamatan perlindungan dan kawalan ke atas situasi yang berpotensi berbahaya. Dalam situasi di mana kekerasan berlaku, T-Baton dapat digunakan untuk mempertahankan diri dan mengurangkan risiko kecederaan kepada pegawai keselamatan.

Dalam keadaan krisis seperti serangan keganasan atau pemberontakan, T-Baton boleh digunakan untuk mengendalikan keadaan dan mengekang pergerakan penyerang. Pegawai keselamatan yang dilatih dengan baik dalam penggunaan T-Baton dapat membantu mengurangkan kesan negatif kejadian krisis. Kesimpulannya, T-Baton merupakan alat yang penting dalam peralatan pasukan keselamatan dan penguatkuasa undang-undang. Penggunaan yang tepat dan bertanggungjawab terhadap alat ini penting bagi memastikan keselamatan diri dan orang lain. Dengan latihan yang mencukupi dan pemahaman yang mendalam tentang asas pengendalian, pegawai keselamatan dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih efektif dan selamat. Oleh itu, pengurusan dan penggunaan T-Baton dalam pasukan keselamatan perlu diberi perhatian yang serius untuk memastikan keberkesanannya dalam menjaga keamanan awam dan melindungi hak asasi manusia.



**“ DALAM HIDUP, IA BUKAN TENTANG MENJADI YANG TERBAIK. IA TENTANG MELAKUKAN YANG TERBAIK ”**

**SHEIKH MUSZAPHAR SHUKOR AL MASRIE BIN  
SHEIKH MUSTAPHA  
– ANGKASAWAN MALAYSIA –**

# KURSUS PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PPKJ)

Pada 14 hingga 16 Mei 2024, Kursus Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan (PPKJ) bagi pegawai CGSO telah diadakan di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM). Seramai 34 orang peserta daripada pelbagai Kementerian, jabatan dan juga agensi telah hadir di dalam kursus PPKJ ini. Kursus ini telah disampaikan oleh penceramah Encik Shamsuddin bin Sulle, Pegawai Keselamatan Kerajaan Kader Parlimen Malaysia, Inspektor Ruzaimi bin Rosmin, IPK N.Sembilan Bahagian Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK), Puan Fizrina binti Ismail, Timbalan Pengarah Bahagian Tapisan Keselamatan, Encik Yazid bin Jemari, National Institute Of Occupational Safety and Health (NIOSH), Encik Khairul Sharizan bin Hamid, Pegawai Keselamatan Kerajaan Agensi Nuklear Malaysia dan Encik Malyagus bin Tagi, Penolong Pengarah Bahagian Keselamatan ICT dan Rahsia Rasmi.



Objektif kursus ini adalah bagi meningkatkan kefahaman kepada mereka mengenai dasar, peraturan dan sistem kawalan keselamatan dalam jabatan Kerajaan, meningkatkan kemahiran dalam melaksanakan arahan-arahan ke atas semua aspek keselamatan dokumen dan maklumat rasmi jabatan, bangunan dan harta benda kerajaan daripada sebarang ancaman, kecurian, kebakaran dan sebagainya dengan mengambil kira langkah-langkah melindungi, selaras dengan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan.

Ketirisan maklumat boleh berlaku di jabatan kerajaan dan satu mekanisme kawalan yang mampan perlu dilaksanakan dengan sewajarnya supaya impak negatif kepada reputasi Kerajaan dapat dielakkan. Persekitaran dan cara kerja turut berubah seiring dengan perkembangan pesat dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Justeru, Ketua Jabatan telah diarahkan memberi perhatian yang serius untuk meningkatkan kualiti dan tadbir urus keselamatan perlindungan di Jabatan masing-masing memandangkan kini senario ancaman keselamatan masa kini semakin mencabar dan tidak menentu.



Kesimpulannya, Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan (PPKJ) memainkan peranan yang kritikal dalam memastikan keselamatan di sektor awam. Melalui penilaian risiko, latihan, pengurusan insiden, dan audit keselamatan, mereka membantu mengurangkan kemalangan di tempat kerja dan memastikan pematuhan terhadap undang-undang keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Sokongan berterusan dan latihan yang mencukupi adalah penting untuk membolehkan mereka menjalankan tugas dengan lebih berkesan dan menyumbang kepada kesejahteraan keseluruhan kakitangan kerajaan.



**“ KEJAYAAN DATANG KEPADA MEREKA YANG TIDAK  
PERNAH BERHENTI MENCUBA DAN BELAJAR DARI  
KEGAGALAN MEREKA. ”**

**TAN SRI TONY FERNANDES  
– USAHAWAN MALAYSIA –**



# KARNIVAL SUKAN BADMINTON INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)

Pada 24 Mei 2024, buat pertama kalinya ILKEM telah mengadakan perlawanan Karnival Sukan Badminton bertempat di Dewan Kompleks Kuarters KLIA yang melibatkan seluruh warga ILKEM dan juga bersama keluarga tercinta. Persiapan latihan perlawanan Karnival Sukan Badminton ini telah dilaksanakan pada 25 April 2024 sehingga 21 Jun 2024 mengikut jadual yang telah ditetapkan. Latihan rutin bagi persiapan perlawanan diadakan selepas waktu pejabat. Seluruh warga ILKEM telah membuat persediaan serta mengambil bahagian untuk menjuarai perlawanan ini. Turut hadir dan menyertai perlawanan Karnival Sukan Badminton ini, Encik Roselan bin Mohamed, Pengarah ILKEM, Puan Salmah binti Shahidan, Pendaftar ILKEM serta ketua-ketua program ILKEM.



Tujuan utama karnival sukan badminton ini diadakan untuk mempromosikan gaya hidup sihat dan meningkatkan penyertaan dalam sukan badminton. Karnival Sukan Badminton ini bukan sahaja tentang pertandingan, tetapi juga tentang meraikan semangat sukan, kesihatan, dan kebersamaan. Antara manfaat yang boleh diperolehi daripada karnival ini termasuklah meningkatkan kesihatan fizikal.



Bermain badminton secara kerap boleh meningkatkan kesihatan kardiovaskular, kekuatan otot, dan fleksibiliti. Selain itu, ia memupuk semangat kompetitif seseorang dalam membantu mengembangkan keterampilan dan strategi, serta belajar menghadapi kemenangan dan kekalahan secara sportif.

Di samping itu, karnival ini dapat memberikan peluang untuk berinteraksi dengan pemain lain, memperluaskan rangkaian sosial, dan mengeratkan hubungan dalam komuniti serta menjadi platform untuk menemukan bakat-bakat baharu yang berpotensi untuk dikembangkan dengan lebih mendalam. Karnival sukan badminton adalah acara yang sangat menyeronokkan dan bermanfaat bagi semua peserta. Selain meningkatkan kesihatan fizikal dan kemahiran bermain, acara ini juga memupuk semangat kekeluargaan dan kerjasama dalam komuniti. Karnival ini bukan sahaja menggalakkan gaya hidup sihat, tetapi juga membina semangat kesukanan dan memperkuuhkan hubungan sosial di kalangan peserta.



JOHAN KARNIVAL SUKAN  
BADMINTON, PROGRAM ASAS  
DAN KEMAHIRAN PEGAWAI (AKP)  
ILKEM

NAIB JOHAN KARNIVAL SUKAN  
BADMINTON, PENDAFTAR ILKEM



TEMPAT KE-3 NADI ELL HOLDING

# PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA (CGSO)

Pada 7 Mei 2024 dan 11 Jun 2024, CGSO telah mengadakan Peperiksaan Perkhidmatan Pembantu Keselamatan Gred KP19 dan juga Peperiksaan Perkhidmatan Pegawai Gred KP41 Pangkat Secara Lantikan (PSL) di Jabatan Perdana Menteri dan Pelbagai Jabatan. Peperiksaan ini telah diadakan di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM). Seramai 18 orang calon bagi Peperiksaan Perkhidmatan Pembantu Keselamatan Gred KP19 manakala bagi calon Peperiksaan Perkhidmatan Pegawai Gred KP41 Pangkat Secara Lantikan (PSL) adalah seramai 4 orang yang hadir bagi menduduki peperiksaan ini.

Peperiksaan Perkhidmatan bagi Pembantu Keselamatan Gred KP19 ini diadakan 2 kali setahun manakala bagi Peperiksaan Perkhidmatan Pegawai Gred KP41 Pangkat Secara Lantikan (PSL) diadakan 1 kali setahun. Soalan peperiksaan bagi kedua-dua gred ini adalah berbentuk objektif dan eseи yang merangkumi semua bidang tugas CGSO yang termaktub di dalam Buku Arahan Keselamatan



Peperiksaan Perkhidmatan Pegawai Gred KP41 Pangkat Secara Lantikan (PSL)

Untuk pengesahan jawatan di dalam jabatan CGSO, calon perlu lulus di dalam peperiksaan yang dilaksanakan ini.

Peperiksaan Perkhidmatan bagi Pembantu Keselamatan Gred KP19



Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) menjadi urus setia Panel Peperiksaan Perkhidmatan yang menyelaras penyediaan, penggubalan kertas-kertas soalan peperiksaan, menyemak dan mengeluarkan keputusan-keputusan Peperiksaan Perkhidmatan Skim Keselamatan dan Pertahanan Awam.

# PERASMIAN BENGKEL PERMURNIAAN CADANGAN PENUBUHAN BAHAGIAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN (BKEP) DI KEMENTERIAN DAN JABATAN PERSEKUTUAN

Pada 12 Jun 2024, Bengkel Permurniaan Cadangan Penubuhan Bahagian Keselamatan Perlindungan (BKEP) di Kementerian dan Jabatan Persekutuan telah diadakan di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM). Bengkel ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Rahimi bin Ismail, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan.



Bengkel ini telah melibatkan Pengarah-pengarah Bahagian Ibu Pejabat CGSO, Pengarah-pengarah Pejabat CGSO Negeri serta Pegawai Kanan Kader CGSO di Kementerian dan Jabatan Persekutuan. Hasrat dan harapan YBhg. Dato' Ketua Pengarah CGSO, agar BKEP ini terlaksana dalam memastikan Keselamatan Perlindungan terjamin di Kementerian dan Jabatan Persekutuan. YBhg. Dato' Ketua Pengarah CGSO turut menekankan agar pewujudan BKEP kelak lebih berstruktur, seimbang serta selari dengan keperluan Kementerian dan Jabatan Persekutuan.



“Hala tuju penubuhan BKEP di Kementerian dan Jabatan Persekutuan jelas. Kita perlu memastikan perkara ini menjadi focus utama kita dalam mengembangkan dan memacu CGSO terus ke hadapan” – YBhg. Dato' Rahimi bin Ismail, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan.

# BENGKEL PENENTUAN TAPISAN KESELAMATAN HALUS SIRI 2/2024

Pada 12-13 Jun 2024, Bengkel Penentuan Tapisan Keselamatan Halus Siri 2/2024 Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Jabatan Perdana Menteri telah diadakan di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM), Bandar Enstek, Negeri Sembilan. Bengkel ini telah di anjurkan oleh Bahagian Keselamatan Personel (BKPs).



Sebanyak 12 agensi yang terlibat sepanjang bengkel ini berlangsung iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), CyberSecurity Malaysia (CSM), Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE), Jabatan Audit Negara (JAN), Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG), Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Tenaga Atom, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pihak Berkuasa Penerbangan Awam (CAAM), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Suruhanjaya Tenaga (ST).

Bengkel yang diadakan selama dua (2) hari ini bertujuan bagi mengenal pasti Jabatan, Agensi, Pentadbiran Kerajaan Negeri dan Kementerian serta pihak-pihak yang mempunyai kepentingan kepada Kerajaan dan terlibat berkaitan pengurusan Rahsia Rasmi Kerajaan. Selain itu, sesi taklimat Keselamatan Peribadi turut diberikan kepada pihak yang hadir dalam memastikan pengurusan dan kawalan Rahsia Rasmi Kerajaan senantiasa terpelihara.

# *Majlis Ibadah Qurban*

## CGSO


## 1445H/2024M

Pada 19 Jun 2024, Majlis Ibadah Qurban CGSO telah diadakan bertempat di Surau Al-Taqwa, Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) yang telah dianjurkan oleh KESKEB dengan Kerjasama Yayasan Pembangunan Ekonomi Yayasan Malaysia (YAPEIM), Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM), Koperasi CGSO Berhad dan PUSPANITA Cawangan Kecil CGSO. Seramai 14 orang peserta daripada setiap bahagian di Ibu Pejabat terlibat termasuklah pegawai-pegawai jemputan daripada kader seksyen keselamatan iaitu Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Kewangan (MOF), Jabatan Peguam Negara (AGC), Agensi Nuklear Malaysia (ANM), Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan juga Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).



“ KEBAHAGIAAN SEJATI TIDAK TERLETAK PADA MATERIALISME, TETAPI PADA KEDEKATAN KITA DENGAN ALLAH DAN KETENANGAN JIWA. ”

SHEIKH DR. MUHAMMAD UTHMAN EL-MUHAMMADY





# BERITA PERKHIDMATAN

**ENCIK FREDYNO BIN ASOI@ASRI****PELAJAR PRAKTIKAL UNIVERSITI PERTAHANAN  
NASIONAL MALAYSIA (UPNM)****INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN  
MALAYSIA (ILKEM)**

TARIKH	BERTUGAS
28/06/2024	Tamat praktikal di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM)
11/03/2024	Bahagian Program Asas & Kemahiran Pegawai, Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM)



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

**NUKILAN**

## KAMILAH ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM

Nun di sana  
 Kamilah yang berpagi-pagi ke tempat kerja  
 Bersenja-senja baru pulang ke rumah  
 Terkadang kami bekerja hingga lupa masa pulang  
 Terkadang kami bekerja hingga lupa anak ada di sekolah tinggal seorang  
 Meninggal isteri sendirian mengurus rumah tangga  
 Meninggal suami yang sering tidur tiada berteman  
 Terkadang menangis sendirian  
 Terkadang putus harapan dengan kehidupan  
 Tertekan dengan semua tohmahan  
 Terkilan dengan sindiran dan cemuhan  
 Namun kami telan dan hadam dengan kesabaran  
 Bahkan kami gantikan dengan senyuman  
 Guna untuk memberi keceriaan dan kegembiraan  
 kepada mereka yang kami panggil pelanggan

Kamilah  
 Benteng dan pagar keamanan  
 Pemangkin juga penerus kecemerlangan  
 Tidak leka dengan sanjungan apatah lagi pujian  
 Kebal dengan segala kutukan, herdikan, cacian bahkan hinaan  
 Teguh memegang panji-panji kesabaran  
 Demi membawa negara kemercu kejayaan  
 Supaya bangsa menjadi cemerlang dan gemilang  
 Ditakut, digerun, disegan dan dikagumi kawan bahkan lawan

Kamilah  
 Anggota perkhidmatan awam  
 Didamba hanya apabila perlu  
 Disebut-sebut bila menjadi buah mulut  
 Dihargai bila diiringi tragedi  
 Diratapi bila pergi meninggalkan anak isteri  
 Kemudian dilupai apabila cerita telah menjadi basi

Kamilah  
 Anggota perkhidmatan awam  
 Menapak gagah bersama keyakinan jitu  
 Menyumbang bakti tidak mengira tempat dan sempadan waktu  
 Tanpa rasa lesu atau jemu  
 Meski ramai yang tidak tahu  
 Bermandi peluh bahkan darah jika perlu  
 Tidak gusar apatah lagi gentar  
 Rela berkorban walau nyawa galang ganti  
 Kerana cinta kasih pada pertiwi yang tiada bertepi  
 Kami kekal di sini menyumbang bakti  
 Sehingga tiba waktu  
 Atau pergi dijemput Ilahi

ENCIK AG. MOHD ISMAIL B/A M. NORDIN  
PEGAWAI KESELAMATAN





# PUSAT SUMBER

# PUSAT SUMBER INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN

## 'Jom Baca, Lets Read'

Pada 23 April 2024, pusat sumber ILKEM telah menganjurkan satu program Jom Baca, *Lets Read* selamat 10 minit yang melibatkan semua warga ILKEM. Program ini telah disambut baik oleh kakitangan dan warga ILKEM. Program Jom Baca, *Lets Read* adalah sebuah inisiatif yang bertujuan untuk memupuk minat membaca di kalangan masyarakat. Program ini bertujuan untuk meningkatkan literasi dan membudayakan amalan membaca sebagai satu rutin harian.



Membaca adalah asas kepada semua bidang ilmu. Program ini membantu meningkatkan tahap pendidikan dengan memperkuuh asas literasi. Membangunkan masyarakat berilmu dengan memupuk budaya membaca membantu membangunkan masyarakat yang berilmu dan berpengetahuan luas. Membaca bukan sahaja menambah ilmu,

tetapi juga memberikan keseronokan dan hiburan, yang boleh meningkatkan kualiti hidup individu. Program Jom Baca, *Lets Read* adalah satu inisiatif yang sangat penting dalam usaha meningkatkan literasi dan membudayakan amalan membaca dalam kalangan masyarakat. Dengan pelaksanaan yang sistematis dan sokongan yang berterusan, program ini berpotensi besar untuk melahirkan generasi yang berilmu, berpengetahuan, dan berfikiran kritis. Oleh itu, adalah penting untuk terus menyokong dan memperluas program seperti ini ke seluruh pelusuk negara bagi mencapai matlamat literasi yang lebih tinggi.

# LAWATAN PENANDAARASAN KE PERPUSTAKAAN ENGLISH LANGUAGE TEACHING CENTRE (ELTC)

Pada 21 Mei 2024, pusat sumber ILKEM telah mengadakan lawatan di Perpustakaan English Language Teaching Centre (ELTC) Labu, Negeri Sembilan. Lawatan ini dilaksanakan bagi mendapatkan gambaran persediaan perpustakaan, termasuk pengurusan perpustakaan dan susun atur perpustakaan di samping pengurusan sistem pinjaman dan bahan bacaan yang bersesuaian untuk dilaksanakan di ILKEM.

Lawatan ini juga dapat memperkuuhkan jaringan perhubungan di antara Institut latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia yang terletak di Bandar Enstek, Negeri Sembilan dan juga English Language Teaching Centre.



# PROGRAM LAWATAN KE PESTA BUKU ANTARABANGSA (PBAKL)

Pada 30 Mei 2024, pusat sumber ILKEM telah mengadakan lawatan ke World Trade Centre Kuala Lumpur. Lawatan ini diadakan adalah untuk membuka minda dikalangan warga ILKEM supaya menjadikan buku dan amalan membaca sebagai suatu hobi yang berterusan di samping dapat meningkatkan amalan membaca dan dapat menikmati potongan harga buku.

1. Program ini bertujuan untuk memupuk budaya membaca disamping dapat mengeratkan silaturahim antara rakyat malaysia yang berkumpul di WTC Kuala Lumpur.
2. Mengambil pengetahuan baru tentang bahan bacaan yang pelbagai contohnya tentang ilmu psikologi, ilmu falsafah, ilmu tentang kanak-kanak dan sebagainya.
3. Dapat menyertai program yang dianjurkan antaranya *talk* yang disampaikan oleh Pengacara Fedtri Yahya dan banyak lagi anjuran





## **Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM)**

**Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia  
Jabatan Perdana Menteri**

**Persiaran Timur 3, Bandar Baru Enstek,  
71760 Bandar Baru Enstek,  
Negeri Sembilan**

Tel.Pejabat : 06-7993301

Faks: 06-7994667/5007

[www.cgso.gov.my](http://www.cgso.gov.my)